



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	27/11/2012

'Pembangkok tiada identiti'

BH-27/11/12

» *Dr M jangka demonstrasi besar-besaran jika pakatan pembangkang gagal PRU-13*

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bharian.com.my

▮ Serdang

Pakatan pembangkang di-khuatiri mengadakan demonstrasi besar-besaran untuk menjatuhkan kerajaan akibat kegagalan memenangi Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata tindakan itu dilakukan kerana mereka mendakwa kerajaan memenangi pilihan ra-

ya menggunakan taktik penipuan.

"Pakatan tiada identiti dan bila nak kalah buat demonstrasi kerana mendakwa berlaku penipuan dalam pilihan raya," katanya kepada media selepas menyampaikan ucaptama pada Persidangan Riba Dunia Ke-3, di Seri Kembangan di sini, semalam.

Dr Mahathir yang juga bekas Menteri Kewangan menyampaikan ucaptama bertema 'Pergerakan Sosioekonomi Global: Apakah Langkah Bersama Yang Boleh Diambil oleh Negara'.

Pakatan tiada keyakinan

Dr Mahathir berkata, tindakan pembangkang meminta bantuan Australia untuk mencampuri pilihan raya negara membuktikan mereka tiada keyakinan memenangi pilihan raya.

Sehubungan itu, katanya, pakatan pembangkang perlu ditolak dalam PRU-13 bagi mengelak negara hilang kebeba-



Dr Mahathir berbual dengan perwakilan pada **Persidangan Riba Dunia Ke-3**, di Seri Kembangan, semalam.

[FOTO CHE RANI CHE DIN/BH]

san kerana sebarang keputusan dipengaruhi kuasa luar, khususnya Australia dan Amerika Syarikat.

Beliau berkata, sekiranya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) tidak telus, sudah tentu pembangkang gagal memenangi lima negeri dan Wilayah Persekutuan, selain menafikan majoriti dua pertiga kerajaan di Parlimen dalam pilihan raya lalu.

Kisah PRU 1999

Mengenai dakwaan pihak tertentu, kononnya beliau menjemput kuasa luar untuk memantau Pilihan Raya Umum 1999, Dr Mahathir berkata, tuduhan itu tidak benar.

"Bagaimanapun, ketika itu sesiapa yang nak datang untuk melihat proses pilihan raya negara, kita tak halang. Nak datang datanglah," katanya.